

Bil. S 25

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH KESIHATAN MENTAL, 2014**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Penetapan kemudahan psikiatri Kerajaan.
4. Penetapan kemudahan psikiatri swasta.

**BAHAGIAN II**

**KEMASUKAN DAN PENAHANAN DI, DAN PELEPASAN DARI,  
KEMUDAHAN PSIKIATRI**

5. Kemasukan pesakit ke dalam kemudahan psikiatri.
6. Kemasukan pesakit sukarela ke dalam kemudahan psikiatri.
7. Pelepasan pesakit sukarela dari kemudahan psikiatri.
8. Kemasukan pesakit tidak sukarela ke dalam kemudahan psikiatri.
9. Penangkapan orang bercelaru mental.
10. Orang yang disyaki bercelaru mental didera dll. oleh orang yang telah disabitkan di bawah sebarang undang-undang bertulis.
11. Orang yang disyaki bercelaru mental diabaikan atau dianiaya.
12. Pemeriksaan orang yang disyaki bercelaru mental oleh pengamal perubatan yang ditetapkan di kemudahan psikiatri.
13. Penahanan berterusan pesakit yang selanjutnya.

### **BAHAGIAN III**

#### **PELEPASAN, KEBENARAN BERCUTI DAN PEMINDAHAN PESAKIT TIDAK SUKARELA DARI HOSPITAL PSIKIATRI**

14. Pelepasan pesakit tidak sukarela oleh pegawai yang menjaga.
15. Pelepasan pesakit tidak sukarela atas permohonan.
16. Kebenaran bercuti.
17. Penangkapan pesakit tidak sukarela.
18. Pemindahan pesakit tidak sukarela ke kemudahan psikiatri Kerajaan atau kemudahan psikiatri swasta yang lain.
19. Kajian semula pesakit tidak sukarela oleh pegawai yang menjaga.
20. Kewajipan untuk memberitahu mahkamah mengenai pelepasan pesakit yang ditahan di bawah bab 44(1) atau 62(1).

### **BAHAGIAN IV**

#### **ORANG YANG DIMASUKKAN KE DALAM ATAU DIKURUNG DI KEMUDAHAN PSIKIATRI DI BAWAH KANUN PERATURAN JENAYAH**

21. Penetapan tempat jagaan selamat.
22. Pemeriksaan orang yang ditahan atau dikurung di penjara dll.
23. Kajian semula orang yang dikurung di bawah bab 317 atau 321 dari Penggal 7.
24. Kajian semula orang oleh Lembaga atas permohonan saudara atau rakan di bawah bab 325 dari Penggal 7.

### **BAHAGIAN V**

#### **TEMPAT KEDIAMAN PSIKIATRI MASYARAKAT**

25. Tempat kediaman psikiatri masyarakat.
26. Penetapan tempat kediaman psikiatri masyarakat.
27. Orang yang menjaga tempat kediaman psikiatri masyarakat.
28. Kemasukan pesakit ke dalam tempat kediaman psikiatri masyarakat.

**BAHAGIAN VI**

**PUSAT KESIHATAN MENTAL MASYARAKAT**

29. Pusat kesihatan mental masyarakat.
30. Penetapan pusat kesihatan mental masyarakat.
31. Orang yang menjaga pusat kesihatan mental masyarakat.
32. Rawatan jagaan masyarakat.

**BAHAGIAN VII**

**LAWATAN, PEMERIKSAAN DAN KAJIAN SEMULA OLEH LEMBAGA PELAWAT**

33. Kewajipan untuk melawat kemudahan psikiatri atau tempat kediaman psikiatri masyarakat.
34. Laporan.
35. Pemeriksaan pesakit tidak sukarela.
36. Kajian semula pesakit tidak sukarela.
37. Kerahsiaan maklumat.

**BAHAGIAN VIII**

**KUALITI KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN PSIKIATRI**

38. Kualiti kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan psikiatri.
39. Kuasa Ketua Pengarah untuk mengeluarkan arahan, perintah atau garis panduan berhubung dengan jaminan kualiti.

**BAHAGIAN IX**

**PROSIDING DALAM MENYIASAT KECELARUAN MENTAL**

40. Tafsiran Bahagian ini.
41. Mahkamah boleh memerintahkan siasatan.
42. Notis siasatan.

43. Kuasa untuk memeriksa orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental.
44. Kuasa untuk menghantar orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental ke kemudahan psikiatri bagi pemerhatian.
45. Persoalan hendaklah diputuskan oleh Mahkamah.
46. Perintah tentang kos.
47. Lantikan orang yang sesuai atau kumpulan orang.
48. Kuasa untuk menguruskan estet orang bercelaru mental.
49. Kuasa Pendaftar untuk menerima cadangan.
50. Saudara yang boleh menghadiri prosiding.
51. Perintah boleh dibuat atas permohonan.
52. Mengurusniagakan harta orang bercelaru mental.
53. Orang yang dilantik hendaklah menyempurnakan instrumen.
54. Pelaksanaan kontrak.
55. Pembubaran dan pelupusan harta perkongsian.
56. Pelupusan premis perniagaan.
57. Orang yang dilantik boleh melupuskan pajakan.
58. Pemindahan stok, sekuriti, dll. orang bercelaru mental.
59. Pemindahan harta orang bercelaru mental yang tinggal di luar Negara Brunei Darussalam.
60. Kuasa untuk memerintahkan nafkah tanpa melantik orang yang sesuai atau kumpulan orang.
61. Peruntukan sementara bagi nafkah.
62. Perintah bagi penerimaan orang bercelaru mental.
63. Membatalkan prosiding.

64. Pelepasan orang yang didapati selepas siasatan dijalankan sebagai berupaya menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya.

**BAHAGIAN X**

**AM**

65. Memberi izin bagi pembedahan dll.
66. Kewajipan untuk memberi maklumat kepada pesakit.
67. Salinan perintah penerimaan masuk hendaklah dihantar kepada pegawai yang menjaga kemudahan psikiatri.
68. Perakuan perubatan, perintah dll. boleh dipinda.
69. Jumlah wang kena dibayar oleh Kerajaan kepada orang bercelaru mental.
70. Pengabaian atau penganiayaan pesakit.
71. Bersubahat melarikan pesakit.
72. Hukuman kerana penerimaan dan penahanan dengan tidak sepatutnya.
73. Batasan liabiliti.
74. Tata amalan.
75. Penggunaan tata amalan dalam prosiding jenayah.
76. Mahkamah bagi perbicaraan kesalahan.
77. Peraturan-peraturan.
78. Pemansuhan Penggal 48.
79. Pengertian undang-undang bertulis lain.
80. Pindaan Penggal 51.
81. Pindaan Penggal 18.
82. Pindaan Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya dalam Penggal 18.
83. Perkecualian.

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH KESIHATAN MENTAL, 2014**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kesihatan Mental, 2014 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan di bawah ceraian (1) bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan Perintah ini.

(3) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk menyatukan undang-undang berhubung dengan keceluaran mental dan untuk mengadakan peruntukan bagi kemasukan, penahanan, penginapan, jagaan, rawatan, pemulihan dan perlindungan orang yang bercelaru mental dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya”.

**Tafsiran.**

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Lembaga” bermakna Lembaga Pelawat yang dilantik di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 77(1);

“tata amalan” bermakna tata amalan yang dikeluarkan, dibenarkan atau dipinda di bawah bab 74(1);

“pusat kesihatan mental masyarakat” bermakna sebuah pusat kesihatan mental masyarakat Kerajaan atau sebuah pusat kesihatan mental masyarakat swasta;

“tempat kediaman psikiatri masyarakat” bermakna sebuah tempat kediaman psikiatri masyarakat Kerajaan atau sebuah tempat kediaman psikiatri masyarakat swasta;

“pengamal perubatan yang ditetapkan”, berhubung dengan mana-mana kemudahan psikiatri, bermakna seseorang pengamal perubatan yang bekerja di kemudahan psikiatri itu dan pengamal perubatan itu ditetapkan atas nama atau jawatan secara bertulis oleh Ketua Pengarah atau pegawai kerajaan sebagaimana yang mungkin dilantik olehnya, bagi maksud-maksud Perintah ini;

“Ketua Pengarah” bermakna Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan;

“rakan”, berhubung dengan orang bercelaru mental, bermakna —

(a) seseorang, selain saudara, yang berumur 18 tahun atau lebih —

- (i) yang dengannya orang bercelaru mental itu lazimnya telah tinggal bagi suatu tempoh tidak kurang dari 2 tahun; atau
- (ii) jika orang bercelaru mental itu merupakan seorang pesakit dalam di suatu kemudahan psikiatri, yang dengannya dia lazimnya telah tinggal bagi suatu tempoh tidak kurang dari 2 tahun sebelum dia dimasukkan di sana; atau

(b) suatu badan atau organisasi yang diiktiraf oleh Menteri di bawah ceraian (4);

“pusat kesihatan mental masyarakat Kerajaan” bermakna mana-mana premis yang ditetapkan sebagai sebuah pusat kesihatan mental masyarakat Kerajaan di bawah bab 30(a);

“kemudahan psikiatri Kerajaan” bermakna mana-mana premis yang ditetapkan sebagai suatu kemudahan psikiatri Kerajaan di bawah bab 3(1);

“tempat kediaman psikiatri masyarakat Kerajaan” bermakna mana-mana premis yang ditetapkan sebagai suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat Kerajaan di bawah bab 26(a);

“penjaga”, berhubung dengan orang yang belum cukup umur, bermakna —

(a) ibu atau bapa atau ibu bapa kepada orang yang belum cukup umur itu;

(b) seseorang yang sah dilantik dengan wasiat atau dengan suatu perintah mahkamah sebagai penjaga kepada orang yang belum cukup umur itu; atau

*(c)* seseorang yang mempunyai jagaan yang sah kepada orang yang belum cukup umur itu;

“pesakit tidak sukarela” bermakna seseorang yang dimasukkan ke dalam dan ditahan di suatu kemudahan psikiatri di bawah bab 8(1), yang ditahan di suatu kemudahan psikiatri di bawah bab 7(4), 12(1) atau 12(3) atau dimasukkan ke dalam suatu kemudahan psikiatri dengan suatu perintah mahkamah yang dibuat di bawah bab 44 atau 62;

“pengamal perubatan” bermakna seseorang yang didaftarkan sebagai seorang pengamal perubatan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggal 112);

“pegawai kebajikan perubatan” bermakna seseorang ahli Perkhidmatan Kebajikan Perubatan di Kementerian Kesihatan;

“kecelaruan mental”, tertakluk kepada ceraian (2), bermakna apa-apa penyakit mental, perkembangan minda yang terbantut atau tidak sempurna, kecelaruan psikiatri atau apa-apa kecelaruan atau ketakdayaan minda lain, tidak kirā bagaimana juá pun diperoleh;

“orang bercelaru mental” bermakna seseorang yang menghidap kecelaruan mental;

“Menteri” bermakna Menteri Kesihatan;

“jururawat” bermakna seseorang yang didaftarkan dalam daftar jururawat di bawah Akta Pendaftaran Jururawat (Penggal 140);

“pegawai yang menjaga” bermakna orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan dan pengawalan suatu kemudahan psikiatri dan bagi penyeliaan kakitangan perubatan, kakitangan kejururawatan, kakitangan teknikal dan kakitangan sampingan yang diambil kerja di kemudahan itu;

“pusat kesihatan mental masyarakat swasta” bermakna mana-mana premis yang ditetapkan sebagai sebuah pusat kesihatan mental masyarakat swasta di bawah bab 30(b);

“kemudahan psikiatri swasta” bermakna mana-mana premis yang ditetapkan sebagai suatu kemudahan psikiatri swasta di bawah bab 4(1);

“tempat kediaman psikiatri masyarakat swasta” bermakna mana-mana premis yang ditetapkan sebagai suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat swasta di bawah bab 26(b);

“kemudahan psikiatri” bermakna suatu kemudahan psikiatri Kerajaan atau suatu kemudahan psikiatri swasta;

“ahli psikiatri” bermakna seseorang pengamal perubatan yang mempunyai kelayakan, latihan dan pengalaman dalam psikiatri sebagaimana yang mungkin diiktiraf oleh Ketua Pengarah;

“Pendaftar” bermakna Ketua Pendaftar Mahkamah Besar atau Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana yang berkenaan;

“saudara” bermakna mana-mana orang yang berikut yang berumur 18 tahun atau lebih —

- (a) suami atau isteri;
- (b) anak lelaki atau anak perempuan;
- (c) bapa atau ibu;
- (d) saudara lelaki atau saudara perempuan;
- (e) datuk atau nenek;
- (f) cucu;
- (g) bapa saudara atau ibu saudara sebelah bapa atau ibu;
- (h) anak saudara lelaki atau anak saudara perempuan;

“Pelawat” bermakna mana-mana ahli Lembaga yang dilantik sedemikian di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini;

“pesakit sukarela” bermakna seseorang yang dimasukkan ke dalam suatu kemudahan psikiatri di bawah bab 6(1).

(2) Tiada sebarang apa pun dalam takrifan “keceluaran mental” dalam ceraian (1) boleh, tertakluk kepada ceraian (3), ditafsirkan sebagai memberi faham bahawa seseorang itu boleh diperlakukan di bawah Perintah ini sebagai menghidap keceluaran mental hanya atas sebab kecabulannya atau kelakuan tidak bermoral lain, penyimpangan seks, penggunaan minuman keras atau dadah, atau jika dia menyatakan, enggan atau gagal menyatakan pendapat atau kepercayaan politik atau agama yang tertentu, atau keperibadiannya yang antisosial.

(3) Ceraian (2) tidak menghalang kesan fisiologi, biokimia atau psikologi yang serius, sementara atau kekal, dari penggunaan minuman keras atau dadah daripada dianggap sebagai suatu tanda bahawa seseorang itu berpenyakit mental.

(4) Menteri boleh mengiktiraf secara bertulis sesuatu badan atau organisasi sebagai rakan jika dia berpuas hati tentang sifat dan kesesuaian ahli-ahli lembaga pengarah, jawatankuasa atau badan tadbir lain dalam badan atau organisasi itu.

(5) Bagi maksud-maksud Perintah ini —

*(a)* mana-mana orang cedera badan jika terdapat kecederaan yang nyata dan dapat dilihat pada mana-mana bahagian badannya yang berpunca dari penggunaan kekerasan atau sesuatu agen yang disengajakan pada badan orang itu yang dibuktikan dengan, antara lain, luka melecat, kontusi, lelasan, parut, patah atau kecederaan tulang lain, terkehel atau terseliuh, perdarahan, pecah likat, luka terbakar atau melecur, hilang atau penyelangan kesedaran atau fungsi fisiologi atau gugur rambut atau patah mana-mana gigi;

*(b)* mana-mana orang cedera emosi jika terdapat kecacatan yang nyata dan dapat dilihat pada fungsi mental atau emosinya yang dibuktikan dengan, antara lain, kecelaruan mental atau tingkah laku, termasuk keresahan, kemurungan, penyendirian, kelangsangan atau perkembangan lambat;

*(c)* mana-mana orang dianaya secara seksual jika dia telah mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang bersifat seksual bagi maksud apa-apa bahan, fotograf, rakaman, filem, pita video atau persembahan pornografi, lucah atau tidak senonoh atau bagi maksud pengeksploitasi seksual oleh mana-mana orang untuk kepuasan seksual orang itu atau orang lain.

#### **Penetapan kemudahan psikiatri Kerajaan.**

3. (1) Menteri boleh menetapkan seluruh atau mana-mana bahagian di mana-mana premis sebagai suatu kemudahan psikiatri Kerajaan bagi kemasukan, penahanan, penginapan, jagaan, rawatan, pemulihan dan perlindungan orang yang bercelaru mental.

(2) Menteri hendaklah menyebabkan supaya suatu pemberitahuan mengenai penetapan itu disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

#### **Penetapan kemudahan psikiatri swasta.**

4. (1) Menteri boleh menetapkan seluruh atau mana-mana bahagian di mana-mana swasta sebagai suatu kemudahan psikiatri swasta bagi kemasukan, penahanan, penginapan, jagaan, rawatan, pemulihan dan perlindungan pesakit tidak sukarela di bawah bab-bab 8, 9, 10, 11, 12, 13, 44 dan 62.

(2) Menteri hendaklah menyebabkan supaya suatu pemberitahuan mengenai penetapan itu disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

## BAHAGIAN II

### KEMASUKAN DAN PENAHANAN DI, DAN PELEPASAN DARI, KEMUDAHAN PSIKIATRI

#### Kemasukan pesakit ke dalam kemudahan psikiatri.

5. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam sebarang undang-undang bertulis lain, tiada seorang pun boleh dimasukkan ke dalam suatu kemudahan psikiatri selain daripada —

- (a) sebagai seorang pesakit sukarela menurut bab 6(1);
- (b) sebagai seorang pesakit tidak sukarela menurut bab 8(1);
- (c) atas perintah seorang pengamal perubatan di bawah bab 7(4), 8(4)(b), 12(1) atau 12(3);
- (d) atas suatu perintah mahkamah yang dibuat di bawah bab 44(1) atau 62(1);
- (e) atas suatu perintah makamah yang dibuat di bawah bab 247, 315, 317 atau 321 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) atau atas suatu perintah pihak berkuasa yang berkaitan di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain; atau
- (f) apabila dipindahkan dari kemudahan psikiatri lain, apabila kembali dari bercuti, atau apabila dia ditahan semula selepas tidak hadir tanpa kebenaran.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh menghalang mana-mana pesakit sukarela dari menerima jagaan, rawatan atau pemulihan di mana-mana kemudahan psikiatri lain Kerajaan atau di mana-mana kemudahan psikiatri swasta.

#### Kemasukan pesakit sukarela ke dalam kemudahan psikiatri.

6. (1) Seseorang pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh memasukkan mana-mana orang ke dalam suatu kemudahan psikiatri sebagai seorang pesakit sukarela —

- (a) atas permintaannya sendiri; atau
- (b) dalam hal orang yang belum cukup umur, atas permohonan yang dibuat oleh penaganya bagi pihaknya.

(2) Pegawai yang menjaga itu atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh enggan memasukkan mana-mana orang sebagai seorang pesakit sukarela jika dia tidak berpuas hati bahawa orang itu mungkin mendapat manfaat dari jagaan atau rawatan di kemudahan psikiatri itu.

**Pelepasan pesakit sukarela dari kemudahan psikiatri.**

7. (1) Pengamal perubatan yang ditetapkan yang terlibat dalam merawat seorang pesakit sukarela boleh —

(a) memberi kebenaran bercuti kepada pesakit itu; atau

(b) pada bila-bila masa melepaskan pesakit itu jika dia berpuas hati bahawa —

(i) adalah bagi kepentingan pesakit itu untuk melepaskannya; dan

(ii) pesakit itu tidak memerlukan apa-apa jagaan dan rawatan lanjut di dalam kemudahan psikiatri itu.

(2) Seseorang pesakit sukarela, atau jika pesakit sukarela itu adalah orang yang belum cukup umur, penjaganya, boleh memberi notis bertulis kepada pegawai yang menjaga meminta pelepasannya dari kemudahan psikiatri itu.

(3) Tertakluk kepada suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (4), seseorang pesakit sukarela yang pelepasannya telah diminta di bawah ceraian (2) tidak boleh ditahan di dalam kemudahan psikiatri itu selama lebih dari 72 jam daripada masa apabila notis itu diterima.

(4) Seseorang pesakit sukarela yang pelepasannya telah diminta di bawah ceraian (2) hendaklah diperiksa oleh seorang pengamal perubatan yang ditetapkan yang tidak terlibat dalam merawatnya, dan jika pengamal perubatan yang ditetapkan itu berpuas hati bahawa —

(a) pesakit itu menghidap kecelaruan mental; dan

(b) adalah perlu bagi kesihatan atau keselamatan pesakit itu atau bagi perlindungan orang lain supaya dia terus menerima jagaan dan rawatan lanjut di kemudahan psikiatri itu,

pengamal perubatan yang ditetapkan itu hendaklah membuat suatu perintah bagi penahanan pesakit itu di dalam kemudahan psikiatri itu bagi suatu tempoh lanjut tidak melebihi satu bulan.

**Kemasukan pesakit tidak sukarela ke dalam kemudahan psikiatri.**

8. (1) Seseorang pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh memasukkan ke dalam dan menahan di dalam suatu kemudahan psikiatri, sebagai seorang pesakit tidak sukarela, seseorang yang disyaki sebagai menghidap kecelaruan mental atas —

(a) permohonan yang dibuat oleh saudara atau rakan orang itu kepada pegawai yang menjaga; dan

(b) syor oleh seorang pengamal berubatan berdasarkan kepada pemeriksaan yang dibuatnya ke atas orang itu tidak lebih dari 5 hari sebelum permohonan itu bahawa —

- (i) dia menghidap jenis atau tahap kecelaruan mental yang mewajarkannya dimasukkan ke dalam suatu kemudahan psikiatri bagi tujuan penilaian atau rawatan; atau
- (ii) dia patut ditahan bagi kepentingan kesihatan atau keselamatannya atau bagi melindungi orang lain.

(2) Jika seseorang pesakit dimasukkan ke dalam suatu kemudahan psikiatri sebagai seorang pesakit tidak sukarela, pegawai yang menjaga hendaklah, tidak lebih dari 72 jam selepas pesakit itu dimasukkan, menyebabkan supaya pemeriksaan sebagaimana yang dianggapnya perlu dijalankan oleh seorang pengamal perubatan yang ditetapkan di kemudahan psikiatri itu ke atas pesakit itu untuk menentukan sama ada atau tidak penahanannya yang berterusan itu mempunyai justifikasi.

(3) Pengamal perubatan yang membuat syor di bawah ceraian (1)(b) tidak boleh memeriksa pesakit itu bagi maksud-maksud ceraian (2).

(4) Jika atas suatu pemeriksaan di bawah ceraian (2) pengamal perubatan yang ditetapkan itu —

(a) tidak berpuas hati bahawa penahanan pesakit itu yang berterusan mempunyai justifikasi, dia hendaklah melepaskannya; atau

(b) berpuas hati bahawa penahanan pesakit itu yang berterusan mempunyai justifikasi, dia hendaklah membuat suatu perintah bagi penahanannya bagi suatu tempoh lanjut tidak melebihi satu bulan.

**Penangkapan orang bercelaru mental.**

9. (1) Mana-mana pegawai polis atau pegawai kebajikan perubatan boleh menangkap mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk mengesyaki

adalah bercelaru mental dan mendatangkan risiko bahaya kepada dirinya atau orang lain atau apa-apa harta.

(2) Pegawai polis atau pegawai kebajikan perubatan yang telah menangkap seseorang di bawah ceraian (1) hendaklah dengan serta-merta selepas penangkapan itu, membawanya kepada seorang pengamal perubatan yang ditetapkan di suatu kemudahan psikiatri untuk pemeriksaan.

**Orang yang disyaki bercelaru mental didera dll. oleh orang yang telah disabitkan di bawah sebarang undang-undang bertulis.**

10. Jika seseorang itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah sebarang undang-undang bertulis yang melibatkan —

(a) penderaan, serangan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan terhadap orang lain dengan cara yang mungkin menyebabkan orang lain itu cedera badan atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkan orang lain itu didera, diserang, diabaikan, dibuang atau didedahkan; atau

(b) penderaan seksual orang lain atau menyebabkan orang lain itu didera sedemikian,

dan mahkamah mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa orang lain itu adalah orang bercelaru mental dan tidak berada di bawah jagaan yang sepatutnya, mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi orang lain itu dihantar kepada seorang pengamal perubatan yang ditetapkan di suatu kemudahan psikiatri untuk pemeriksaan.

**Orang yang disyaki bercelaru mental diabaikan atau dianiaya.**

11. (1) Jika didapati oleh mahkamah, atas laporan seorang pegawai polis atau atas maklumat mana-mana orang lain, bahawa seseorang yang disyaki sebagai orang bercelaru mental —

(a) tidak berada di bawah jagaan dan kawalan yang sepatutnya; atau

(b) diabaikan atau dianiaya oleh mana-mana saudara atau oleh mana-mana orang yang menjaganya,

mahkamah boleh memerintahkan supaya orang yang disyaki sebagai orang bercelaru mental itu dibawa kepadanya dan memanggil saudaranya atau orang yang menjaganya, atau sepatutnya menjaganya.

(2) Jika mahkamah berpuas hati bahawa orang yang dipanggil di bawah ceraian (1) menjaga orang yang disyaki bercelaru mental itu, mahkamah boleh membuat suatu perintah —

(a) yang menghendaki orang yang disyaki bercelaru mental itu dijaga dan diperlakukan dengan sepatutnya oleh orang yang dipanggil itu; atau

(b) supaya orang bercelaru mental itu dihantar kepada seorang pengamal perubatan yang ditetapkan di suatu kemudahan psikiatri untuk pemeriksaan.

(3) Tiap-tiap pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau pegawai polis yang menjaga sebuah balai polis berkewajipan untuk melaporkan dengan segera kepada mahkamah setiap kes pengabaian atau perlakuan kejam terhadap orang yang disyaki bercelaru mental yang sampai kepada pengetahuannya.

(4) Jika suatu perintah dibuat oleh mahkamah di bawah ceraian (2) —

(a) mana-mana pengamal perubatan yang ditetapkan di suatu kemudahan psikiatri, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau pegawai polis yang menjaga sebuah balai polis, atau mana-mana pegawai kebajikan perubatan hendaklah, pada masa yang munasabah sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh mahkamah, melawat orang yang disyaki bercelaru mental itu bagi maksud memastikan keadaannya; dan

(b) orang yang diperintahkan oleh mahkamah untuk menjaga dan memperlakukan dengan sepatutnya orang yang disyaki bercelaru mental itu hendaklah mengemukakannya bagi maksud tersebut kepada pengamal perubatan yang ditetapkan, pegawai polis atau pegawai kebajikan perubatan itu.

(5) Mana-mana orang yang gagal mematuhi suatu perintah di bawah ceraian (2) atau yang enggan mengemukakan orang yang disyaki bercelaru mental di bawah ceraian (4)(b) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan —

(a) dalam hal suatu kesalahan di bawah ceraian (2), dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali; dan

(b) dalam hal suatu kesalahan di bawah ceraian (4)(b), dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Pemeriksaan orang yang disyaki bercelaru mental oleh pengamal perubatan yang ditetapkan di kemudahan psikiatri.**

12. (1) Jika seseorang itu dibawa atau dihantar ke hadapan seorang pengamal perubatan yang ditetapkan di suatu kemudahan psikiatri di bawah bab 9(2), 10,

11(2)(b), 32(3) atau 62(1), pengamal perubatan yang ditetapkan itu hendaklah memeriksanya dan —

(a) jika dia berpuas hati bahawa orang itu tidak menghidap kecelaranan mental, dia hendaklah melepaskannya;

(b) jika dia berpuas hati bahawa orang itu menghidap kecelaranan mental tetapi tidak memerlukan jagaan atau rawatan di suatu kemudahan psikiatri, dia hendaklah melepaskannya; atau

(c) jika dia berpuas hati bahawa dia menghidap kecelaranan mental dan memerlukan jagaan atau rawatan,

dia hendaklah membuat suatu perintah untuk menghantar orang itu untuk dimasukkan ke dalam dan ditahan di suatu kemudahan psikiatri.

(2) Tiada perintah boleh dibuat di bawah ceraian (1)(c) oleh seorang pengamal perubatan yang merupakan saudara, atau mempunyai hubungan fidusiari dengan, orang yang akan dimasukkan itu atau orang yang membuat permintaan bagi kemasukannya, ke dalam kemudahan psikiatri itu.

(3) Jika suatu perintah telah dibuat di bawah ceraian (1)(c) —

(a) orang yang disebut dalam perintah itu hendaklah dimasukkan ke dalam kemudahan psikiatri itu; dan

(b) seorang pengamal perubatan yang ditetapkan di kemudahan psikiatri itu hendaklah, tidak lebih dari 72 jam selepas orang itu dimasukkan, menjalankan pemeriksaan ke atasnya sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu untuk menentukan sama ada atau tidak penahanan orang itu yang berterusan mempunyai justifikasi.

(4) Jika atas suatu pemeriksaan di bawah ceraian (3)(b) pengamal perubatan yang ditetapkan itu —

(a) tidak berpuas hati bahawa penahanan orang itu yang berterusan mempunyai justifikasi, dia hendaklah melepaskannya; atau

(b) berpuas hati bahawa penahanan orang itu yang berterusan mempunyai justifikasi, dia hendaklah membuat suatu perintah bagi penahanannya bagi suatu tempoh lanjut tidak melebihi satu bulan.

#### **Penahanan berterusan pesakit yang selanjutnya.**

13. (1) Jika seseorang yang ditahan dengan suatu perintah yang dibuat di bawah bab 7(4), 8(4)(b) atau 12(4)(b) tidak dilepaskan lebih awal, seorang pengamal perubatan yang ditetapkan di kemudahan psikiatri itu, sebelum

tamatnya tempoh perintah itu, menjalankan pemeriksaan ke atasnya sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu untuk menentukan sama ada atau tidak penahanannya yang berterusan mempunyai justifikasi.

(2) Pemeriksaan pesakit itu hendaklah dilakukan oleh dua orang pengamal perubatan yang ditetapkan, salah seorang daripadanya adalah seorang ahli psikiatri.

(3) Jika atas suatu pemeriksaan di bawah ceraian (1), pengamal-pengamal perubatan yang ditetapkan itu —

*(a)* tidak berpuas hati bahawa penahanannya yang berterusan mempunyai justifikasi, mereka hendaklah melepaskannya; atau

*(b)* berpuas hati bahawa penahanannya yang berterusan mempunyai justifikasi, mereka hendaklah membuat suatu perintah bagi penahanannya bagi suatu tempoh lanjut tidak melebihi 6 bulan.

### BAHAGIAN III

#### PELEPASAN, KEBENARAN BERCUTI DAN PEMINDAHAN PESAKIT TIDAK SUKARELA DARI KEMUDAHAN PSIKIATRI

**Pelepasan pesakit tidak sukarela oleh pegawai yang menjaga.**

14. Pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh pada bila-bila masa melepaskan pesakit tidak sukarela dari suatu kemudahan psikiatri jika dia berpuas hati bahawa —

*(a)* adalah bagi kepentingan terbaik pesakit itu untuk melepaskannya; dan

*(b)* pesakit itu tidak memerlukan jagaan atau rawatan lanjut di kemudahan itu.

**Pelepasan pesakit tidak sukarela atas permohonan.**

15. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), pesakit tidak sukarela atau saudara atau rakannya boleh membuat permohonan kepada pegawai yang menjaga untuk meminta pelepasannya.

(2) Setelah menerima permohonan yang dibuat di bawah ceraian (1), seorang pengamal perubatan yang ditetapkan di kemudahan psikiatri itu hendaklah memeriksa pesakit yang berkaitan dengannya permohonan itu dibuat dan hendaklah merekodkan dapatannya dalam suatu laporan, dalam masa seminggu.

(3) Pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya tidak boleh melepaskan pesakit itu melainkan jika dia berpuas hati, berasaskan kepada pemeriksaan di bawah ceraian (2), bahawa pesakit itu —

(a) tidak menghidap kecelaruan mental; atau

(b) menghidap kecelaruan mental tetapi tidak memerlukan jagaan atau rawatan lanjut di kemudahan itu.

(4) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keputusan pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya di bawah ceraian (3) yang enggan melepaskannya boleh merayu secara bertulis kepada Lembaga dalam masa 14 hari dari tarikh keputusan itu diterima.

(5) Apabila suatu rayuan dibuat di bawah ceraian (4), pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya hendaklah mengemukakan laporan pemeriksaan di bawah ceraian (2) kepada Lembaga.

(6) Setelah menerima suatu rayuan yang dibuat di bawah ceraian (4), Lembaga hendaklah menyebabkan dua orang daripada ahli-ahlinya, salah seorang daripadanya adalah seorang ahli psikiatri, untuk memeriksa orang yang berkaitan dengannya rayuan itu dibuat dan merekodkan dapatan mereka dalam suatu laporan.

(7) Lembaga tidak boleh melepaskan pesakit itu melainkan jika berpuas hati, berdasarkan kepada laporan pemeriksaan di bawah ceraian-ceraian (2) dan (6) bahawa pesakit itu —

(a) tidak menghidap kecelaruan mental; atau

(b) menghidap kecelaruan mental tetapi tidak memerlukan jagaan atau rawatan lanjut di kemudahan itu.

(8) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keputusan Lembaga di bawah ceraian (7) boleh merayu secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam masa 14 hari dari tarikh keengganan Lembaga untuk melepaskannya diterima.

(9) Apabila suatu rayuan dibuat di bawah ceraian (8), Lembaga hendaklah mengemukakan laporan pemeriksaan di bawah ceraian-ceraian (2) dan (6) kepada Ketua Pengarah.

(10) Jika, dengan mengambil kira keadaan mental pesakit pada masa itu dan setelah menimbangkan laporan pemeriksaan di bawah ceraian-ceraian (2) dan (6), Ketua Pengarah tidak berpuas hati bahawa penahanan pesakit itu yang berterusan mempunyai justifikasi, dia hendaklah memerintahkan supaya pesakit itu dilepaskan.

**Kebenaran bercuti.**

16. (1) Pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh, jika dia menganggapnya adalah bagi kepentingan terbaik pesakit itu, memberi kebenaran bercuti kepada pesakit tidak sukarela yang membenarkannya tidak berada di kemudahan psikiatri itu bagi suatu tempoh tidak lebih dari sebulan, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dianggapnya bersesuaian.

(2) Pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh melanjutkan kebenaran bercuti itu bagi suatu tempoh lanjut tidak melebihi 2 minggu jika dia berpuas hati bahawa pesakit itu tidak memerlukan apa-apa jagaan atau rawatan lanjut di kemudahan psikiatri itu, selepas menjalankan pemeriksaan ke atasnya sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu.

(3) Pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh membatalkan sebarang kebenaran bercuti yang diberikan kepada pesakit tidak sukarela dan menghendakinya kembali ke kemudahan psikiatri itu jika —

*(a)* pesakit itu melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah ceraian (1); atau

*(b)* pada pendapat pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya bahawa adalah perlu bagi kepentingan kesihatan atau keselamatan pesakit itu atau bagi melindungi orang lain.

**Penangkapan pesakit tidak sukarela.**

17. Jika pesakit tidak sukarela yang diperintahkan untuk ditahan di suatu kemudahan psikiatri —

*(a)* tidak berada di kemudahan itu tanpa kebenaran bercuti yang diberikan di bawah bab 16(1); atau

*(b)* gagal kembali ke kemudahan itu —

*(i)* selepas tamatnya sebarang tempoh kebenaran bercuti yang diberikan kepadanya di bawah bab 16(1) atau (2); atau

*(ii)* apabila dikehendaki kembali di bawah bab 16(3),

dia boleh ditahan dalam jagaan oleh mana-mana pegawai polis, pegawai kebajikan perubatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh pegawai yang menjaga bagi maksud membawanya ke kemudahan itu.

**Pemindahan pesakit tidak sukarela ke kemudahan psikiatri Kerajaan atau kemudahan psikiatri swasta yang lain.**

18. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh, dengan perintah, mengarahkan pemindahan pesakit tidak sukarela dari suatu kemudahan psikiatri Kerajaan atau suatu kemudahan psikiatri swasta ke kemudahan psikiatri Kerajaan atau kemudahan psikiatri swasta yang lain jika —

(a) dia berpuas hati bahawa pemindahan itu akan mendatangkan manfaat kepada pesakit itu atau perlu bagi jagaan atau rawatan pesakit itu; dan

(b) dalam hal cadangan untuk memindahkannya ke suatu kemudahan psikiatri swasta, pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh pegawai yang menjaga kemudahan itu telah bersetuju dengan pemindahan itu.

(2) Tertakluk kepada ceraian (1)(b), pegawai yang menjaga kemudahan psikiatri Kerajaan atau kemudahan psikiatri swasta, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dalam semua hal mematuhi perintah Ketua Pengarah di bawah ceraian (1) tetapi —

(a) jika pegawai yang menjaga berpuas hati bahawa akan mendatangkan manfaat kepada pesakit tidak sukarela di bawah jagaannya dipindahkan ke kemudahan psikiatri yang lain selain dari kemudahan psikiatri yang disebutkan dalam perintah itu; dan

(b) penyusunan bagi pemindahan itu dapat dibuat atau telah dibuat dengan pegawai yang menjaga kemudahan psikiatri tempat pesakit tidak sukarela itu dicadangkan hendak dipindahkan,

pegawai yang menjaga hendaklah menyampaikan pandangannya secara bertulis kepada Ketua Pengarah yang keputusannya mengenai perkara itu adalah muktamad.

(3) Suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) atau (2) adalah autoriti yang mencukupi bagi penerimaan dan penahanan pesakit yang disebut dalam perintah itu di kemudahan psikiatri tempat dia dipindahkan.

**Kajian semula pesakit tidak sukarela oleh pegawai yang menjaga.**

19. Pegawai yang menjaga berkewajipan untuk memeriksa, atau menyebabkan supaya diperiksa, sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu, semua pesakit tidak sukarela yang ditahan di kemudahan psikiatri di bawah jagaannya untuk menentukan sama ada atau tidak penahanan mereka yang berterusan mempunyai justifikasi.

**Kewajipan untuk memberitahu mahkamah mengenai pelepasan pesakit yang ditahan di bawah bab 44(1) atau 62(1).**

20. Jika seseorang pesakit yang diterima masuk ke dalam suatu kemudahan psikiatri Kerajaan atau kemudahan psikiatri swasta dengan suatu perintah mahkamah yang dibuat di bawah bab 44(1) atau 62(1) dilepaskan dari kemudahan itu, pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu mahkamah mengenai pelepasan pesakit itu dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Ketua Pengarah.

#### **BAHAGIAN IV**

#### **ORANG YANG DIMASUKKAN KE DALAM ATAU DIKURUNG DI KEMUDAHAN PSIKIATRI DI BAWAH KANUN PERATURAN JENAYAH**

**Penetapan tempat jagaan selamat.**

21. Menteri boleh menetapkan suatu kemudahan psikiatri Kerajaan sebagai tempat jagaan selamat bagi tujuan kemasukan atau pengurungan orang di bawah bab 247, 315, 317 atau 321 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) atau di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan sebarang undang-undang bertulis lain.

**Pemeriksaan orang yang ditahan atau dikurung di penjara dll.**

22. (1) Jika suatu perintah telah dibuat di bawah bab 247, 315, 317 atau 321 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) atau di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan sebarang undang-undang bertulis lain supaya seseorang ditahan atau dikurung di sebuah penjara atau hospital atau tempat jagaan selamat yang lain, pegawai yang menjaga tempat itu hendaklah memeriksanya atau menyebabkannya supaya diperiksa dalam masa 24 jam dari kemasukannya.

(2) Pegawai yang menjaga hendaklah memeriksanya atau menyebabkan supaya diperiksa sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 12 bulan atau dalam tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, mana-mana orang yang dimasukkan dan ditahan atau dikurung di bawah bab 317 atau 321 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) atau di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan sebarang undang-undang bertulis lain.

**Kajian semula orang yang dikurung di bawah bab 317 atau 321 dari Penggal 7.**

23. (1) Jika pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya berpuas hati, selepas suatu pemeriksaan di bawah bab 22, bahawa —

*(a)* seseorang yang dimasukkan dan dikurung di bawah bab 317 atau 321 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) atau di bawah

peruntukan-peruntukan yang bersamaan sebarang undang-undang bertulis lain boleh dilepaskan; dan

(b) orang itu tidak memerlukan jagaan atau rawatan lanjut di kemudahan itu,

dia boleh, dengan seberapa segera yang boleh, menyebabkannya supaya dibawa ke hadapan Lembaga bagi pemeriksaan.

(2) Jika setelah menimbangkan laporan pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya dan pemeriksaan orang itu, Lembaga berpuas hati bahawa dia tidak memerlukan jagaan atau rawatan lanjut di kemudahan itu, Lembaga, dan pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh pegawai yang menjaga, hendaklah membuat syor bagi maksud-maksud bab 324(1) dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) bahawa dia boleh, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga, dilepaskan.

**Kajian semula orang oleh Lembaga atas permohonan saudara atau rakan di bawah bab 325 dari Penggal 7.**

24. (1) Jika saudara atau rakan seseorang yang dikurung di suatu tempat jagaan selamat membuat permohonan di bawah bab 325(1) dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) supaya orang itu diserahkan kepada pemeliharaan dan jagaannya, saudara atau rakan itu hendaklah memberikan satu salinan permohonan itu kepada pegawai yang menjaga.

(2) Setelah menerima permohonan itu atau satu salinan permohonan itu (mengikut mana yang berkenaan), Lembaga dan pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya hendaklah memeriksa orang itu dan membuat syor bagi maksud-maksud bab 325(1) dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) sama ada pada pertimbangan mereka orang itu boleh diserahkan kepada pemeliharaan dan jagaan saudara atau rakan itu dan dia boleh, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga, dilepaskan.

## BAHAGIAN V

### TEMPAT KEDIAMAN PSIKIATRI MASYARAKAT

**Tempat kediaman psikiatri masyarakat.**

25. Tempat kediaman psikiatri masyarakat adalah sebuah rumah bagi penginapan dan pemberian jagaan kejururawatan dan pemulihan bagi orang yang menghidap atau sedang pulih dari kecelaruan mental.

**Penetapan tempat kediaman psikiatri masyarakat.**

26. (1) Menteri boleh menetapkan seluruh atau mana-mana bahagian di mana-mana premis sebagai —

- (a) suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat Kerajaan; atau
- (b) suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat swasta,

dan suatu pemberitahuan mengenai penetapan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

**Orang yang menjaga tempat kediaman psikiatri masyarakat.**

27. (1) Menteri hendaklah menetapkan berkaitan dengan tiap-tiap tempat kediaman psikiatri masyarakat Kerajaan —

- (a) seorang pengamal perubatan yang mempunyai kelulusan atau latihan dan pengalaman dalam psikiatri; atau
- (b) seorang jururawat yang mempunyai kelulusan, latihan dan pengalaman dalam psikiatri,

sebagai orang yang menjaga tempat kediaman psikiatri masyarakat Kerajaan itu.

(2) Penetapan orang yang menjaga, atau seorang pengamal perubatan atau jururawat yang diambil bekerja di, atau diguna khidmat oleh suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat swasta tidak boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Menteri.

(3) Kelulusan, latihan dan pengalaman yang disebut dalam ceraian (1) adalah kelulusan, latihan dan pengalaman yang diiktiraf oleh Menteri atas nasihat Ketua Pengarah.

**Kemasukan pesakit ke dalam tempat kediaman psikiatri masyarakat.**

28. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), seseorang yang menghidap atau sedang pulih dari kecelaruan mental boleh dimasukkan ke dalam suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat sebagai seorang pesakit —

- (a) atas permintaannya sendiri;
- (b) atas permintaan saudara atau rakan; atau
- (c) atas permintaan seorang pengamal perubatan.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1), tiada seorang pun boleh dimasukkan ke dalam suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat kecuali —

*(a)* di bawah arahan seorang pengamal perubatan yang mempunyai kelulusan dalam psikiatri; dan

*(b)* bagi tujuan memberikannya tempat untuk menginap, jagaan kejururawatan dan pemulihan.

(3) Pesakit itu atau saudaranya boleh memberi notis kepada orang yang menjaga untuk meminta pelepasannya dari tempat kediaman psikiatri masyarakat itu dan atas permintaan tersebut pesakit itu tidak boleh ditahan di tempat kediaman psikiatri masyarakat itu melebihi 24 jam dari penerimaan notis itu oleh orang yang menjaga tempat kediaman psikiatri masyarakat itu.

(4) Seseorang pesakit yang dimasukkan di bawah bab ini hendaklah diperiksa oleh seorang pengamal perubatan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 4 bulan.

(5) Jika seorang pengamal perubatan berpuas hati bahawa —

*(a)* keadaan mental pesakit itu telah merosot; dan

*(b)* adalah perlu bagi kesihatan atau keselamatan pesakit itu atau bagi melindungi orang lain bahawa dia menerima jagaan dan rawatan lanjut,

pengamal perubatan itu hendaklah mengesyorkan supaya pesakit itu dimasukkan ke dalam suatu kemudahan psikiatri di bawah bab 6 atau 8.

(6) Jika pesakit itu tiada saudara untuk membuat permohonan di bawah bab 8, orang yang menjaga tempat kediaman psikiatri masyarakat itu boleh membuat permohonan di bawah bab 8(1)*/a* seolah-olah dia adalah saudara pesakit itu.

## BAHAGIAN VI

### PUSAT KESIHATAN MENTAL MASYARAKAT

**Pusat kesihatan mental masyarakat.**

29. Pusat kesihatan mental mayarakat adalah sebuah pusat bagi rawatan jagaan masyarakat yang termasuk pemeriksaan, diagnosis, rawatan dan pemulihan mana-mana orang yang menghidap kecelaruan mental.

**Penetapan pusat kesihatan mental masyarakat.**

30. Menteri boleh menetapkan seluruh atau mana-mana bahagian di mana-mana premis sebagai —

- (a) sebuah pusat kesihatan mental masyarakat Kerajaan; atau
- (b) sebuah pusat kesihatan mental masyarakat swasta,

dan suatu pemberitahuan mengenai penetapan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

**Orang yang menjaga pusat kesihatan mental masyarakat.**

31. (1) Ketua Pengarah hendaklah menetapkan berkaitan dengan setiap pusat kesihatan mental masyarakat Kerajaan, seorang pengamal perubatan yang mempunyai kelulusan, latihan dan pengalaman dalam psikiatri sebagai pegawai yang menjaga pusat kesihatan mental masyarakat Kerajaan itu.

(2) Penetapan pegawai yang menjaga sebuah pusat kesihatan mental masyarakat swasta tidak boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.

**Rawatan jagaan masyarakat.**

32. (1) Pesakit tidak sukarela yang telah dilepaskan atau diberikan kebenaran bercuti dari suatu kemudahan psikiatri boleh dikehendaki oleh Lembaga atau pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya, mengikut mana yang berkenaan, untuk menjalani rawatan jagaan masyarakat di mana-mana pusat kesihatan mental masyarakat.

(2) Rawatan jagaan masyarakat di mana-mana pusat kesihatan mental masyarakat hendaklah diberikan atas dasar pesakit luar, dan tiada pesakit boleh ditahan di mana-mana bahagian pusat kesihatan mental masyarakat selama lebih dari 24 jam.

(3) Pesakit tidak sukarela yang gagal mematuhi kehendak di bawah ceraian (1) boleh ditahan dalam jagaan oleh mana-mana pegawai polis, pegawai kebajikan perubatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh pegawai yang menjaga kemudahan psikiatri itu bagi maksud membawanya untuk diperiksa oleh seorang pengamal perubatan yang ditetapkan di kemudahan psikiatri itu.

## BAHAGIAN VII

### LAWATAN, PEMERIKSAAN DAN KAJIAN SEMULA OLEH LEMBAGA PELAWAT

**Kewajipan untuk melawat kemudahan psikiatri atau tempat kediaman psikiatri masyarakat.**

33. (1) Pelawat-Pelawat bagi suatu kemudahan psikiatri hendaklah melawat kemudahan psikiatri itu sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 4 bulan.

(2) Pelawat-Pelawat bagi suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat hendaklah melawat tempat kediaman psikiatri masyarakat itu sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 4 bulan.

(3) Apabila melawat suatu kemudahan psikiatri atau suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat, Pelawat-Pelawat —

*(a)* hendaklah menyiasat mengenai —

- (i) kebijakan dan kesihatan pesakit di kemudahan psikiatri atau tempat kediaman psikiatri masyarakat itu; dan
- (ii) apa-apa perkara lain yang mereka anggap perlu atau mustahak; dan

*(b)* boleh memeriksa —

- (i) mana-mana bahagian kemudahan psikiatri atau tempat kediaman psikiatri masyarakat itu; dan
- (ii) apa-apa daftar, buku, perintah, perakuan atau dokumen lain berhubung dengan kemasukan dan pelepasan pesakit di kemudahan psikiatri atau tempat kediaman psikiatri masyarakat itu.

**Laporan.**

34. Pelawat-Pelawat hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, selepas setiap lawatan ke suatu kemudahan psikiatri atau tempat kediaman psikiatri masyarakat —

*(a)* mencatatkan apa-apa pendapat yang mereka anggap patut berkenaan dengan kesejahteraan fizikal dan kebijakan pesakit di kemudahan psikiatri atau tempat kediaman psikiatri masyarakat itu dalam buku yang akan disimpan di kemudahan psikiatri atau tempat kediaman psikiatri masyarakat itu bagi maksud tersebut; dan

(b) jika mereka menganggap perlu, mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu laporan mengenai lawatan itu.

**Pemeriksaan pesakit tidak sukarela.**

35. (1) Jika pesakit tidak sukarela telah ditahan di suatu kemudahan psikiatri mengikut suatu perintah yang dibuat menurut bab 13(3)(b), dia hendaklah, sebelum tamatnya tempoh 6 bulan, dibawa ke hadapan Pelawat-Pelawat yang akan memeriksanya dan membuat siasatan berhubung dengan kemasukan dan penahanannya.

(2) Jika atas pemeriksaan dan siasatan di bawah ceraian (1) Pelawat-Pelawat —

(a) tidak berpuas hati bahawa penahanannya yang berterusan mempunyai justifikasi, Pelawat-Pelawat hendaklah memerintahkan supaya dia dilepaskan; atau

(b) berpuas hati bahawa penahanannya yang berterusan mempunyai justifikasi, Pelawat-Pelawat hendaklah membuat suatu perintah bagi penahanannya bagi suatu tempoh lanjut tidak melebihi 6 bulan dari tarikh perintah itu atau tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Ketua Pengarah.

**Kajian semula pesakit tidak sukarela.**

36. (1) Jika Pelawat-Pelawat telah membuat suatu perintah di bawah bab 35(2)(b) dan pesakit yang disebut dalam perintah itu, sebelum tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu, masih ditahan di kemudahan psikiatri itu, pegawai yang menjaga kemudahan psikiatri itu hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, menyebabkan supaya pesakit itu dibawa ke hadapan Pelawat-Pelawat.

(2) Jika pesakit itu dibawa ke hadapan Pelawat-Pelawat di bawah ceraian (1), Pelawat-Pelawat boleh, selepas menimbangkan laporan pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya dan pemeriksaan Pelawat-Pelawat ke atas pesakit itu, mengarahkan supaya —

(a) pesakit itu dilepaskan;

(b) pesakit itu dilepaskan pada suatu tarikh masa depan sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu; atau

(c) pesakit itu ditahan bagi jagaan dan rawatan bagi suatu tempoh lanjut tidak melebihi satu tahun sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam arahan itu.

(3) Jika Pelawat-Pelawat telah membuat suatu arahan di bawah ceraian (2)/c), pesakit yang disebut dalam perintah itu, jika dia tidak dilepaskan lebih awal, hendaklah —

(a) dengan tidak menghiraukan bab 19, diperiksa oleh pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya sekurang-kurangnya sekali dalam 4 minggu; dan

(b) dikaji semula oleh Pelawat-Pelawat sekurang-kurangnya sekali sebelum tamatnya tempoh penahanannya di kemudahan psikiatri itu,

untuk menentukan sama ada atau tidak penahanannya yang berterusan diperlukan.

(4) Pada setiap kajian semula seseorang pesakit oleh Pelawat-Pelawat di bawah ceraian (3)/b), Pelawat-Pelawat boleh, selepas menimbangkan laporan pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya dan pemeriksaan mereka ke atas pesakit itu, mengarahkan supaya —

(a) pesakit itu dilepaskan;

(b) pesakit itu dilepaskan pada suatu tarikh masa depan sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu; atau

(c) pesakit itu ditahan bagi jagaan dan rawatan bagi suatu tempoh lanjut tidak melebihi satu tahun sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam arahan itu.

(5) Kajian semula di bawah ceraian (4) hendaklah diteruskan selagi pesakit itu ditahan di kemudahan psikiatri itu dan peruntukan-peruntukan ceraian (3) hendaklah terus dikenakan dengan setiap penahanan pesakit itu bagi suatu tempoh lanjut tidak melebihi satu tahun.

#### Kerahsiaan maklumat.

37. (1) Kecuali bagi sebarang maksud Perintah ini atau mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah Perintah ini, tiada Pelawat boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang telah diperolehnya semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini.

(2) Pelawat yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

## BAHAGIAN VIII

### KUALITI KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN PSIKIATRI

**Kualiti kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan psikiatri.**

38. (1) Setiap kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat dan pusat kesihatan mental masyarakat hendaklah mempunyai program dan aktiviti untuk memastikan kualiti dan kesesuaian kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan.

(2) Maklumat berkenaan dengan program dan aktiviti itu hendaklah diberikan kepada Ketua Pengarah apabila dan jika dikehendaki olehnya.

**Kuasa Ketua Pengarah untuk mengeluarkan arahan, perintah atau garis panduan berhubung dengan jaminan kualiti.**

39. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan arahan, perintah atau garis panduan berhubung dengan kualiti dan piawaian kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat atau pusat kesihatan mental masyarakat sebagaimana yang dianggapnya perlu.

## BAHAGIAN IX

### PROSIDING DALAM MENYIASAT KECELARUAN MENTAL

**Tafsiran Bahagian ini.**

40. Dalam Bahagian ini —

“orang yang dilantik” bermakna orang yang sesuai atau kumpulan orang yang dilantik di bawah bab 47(1);

“Mahkamah” bermakna Mahkamah Tinggi;

“orang bercelaru mental” bermakna mana-mana orang yang didapati oleh Mahkamah sebagai bercelaru mental dan tidak berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya.

**Mahkamah boleh memerintahkan siasatan.**

41. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat di hadapannya, membuat suatu perintah yang mengarahkan siasatan dijalankan untuk menentukan sama ada seseorang yang tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah dan dikatakan sebagai bercelaru mental tidak berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya disebabkan oleh kecelaruan mental itu.

(2) Perintah Mahkamah yang dibuat di bawah ceraian (1) boleh juga mengandungi arahan bagi siasatan dibuat berkenaan dengan —

(a) jenis harta kepunyaan orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental;

(b) orang yang merupakan saudaranya;

(c) tempoh dia telah menghidap kecelaruan mental; atau

(d) persoalan lain sebagaimana yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah.

(3) Permohonan bagi siasatan tersebut boleh dibuat oleh —

(a) saudara orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental; atau

(b) mana-mana pegawai kerajaan yang dilantik oleh Menteri bagi maksud membuat permohonan itu.

**Notis siasatan.**

42. (1) Mahkamah hendaklah memberikan notis yang munasabah kepada pemohon dan orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental mengenai masa dan tempat bagi siasatan itu.

(2) Jika pada pendapat Mahkamah bahawa orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental itu berada dalam suatu keadaan sehingga penyampaian notis itu kepada dirinya tidak akan berkesan, Mahkamah boleh, bagi tujuan membawa orang itu untuk disiasat, mengarahkan supaya penyampaian notis itu dibuat kepada —

(a) orang yang menjaganya; atau

(b) mana-mana orang dewasa atau tuanpunya atau penghuni premis tempat orang bercelaru mental itu tinggal.

**Kuasa untuk memeriksa orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental.**

43. (1) Pada bila-bila masa selepas permohonan bagi siasatan itu dibuat, Mahkamah boleh —

(a) menghendaki pemohon untuk mengemukakan orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental pada masa dan di tempat sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Mahkamah, bagi maksud pemeriksaan oleh Mahkamah atau oleh ahli psikiatri yang daripadanya

Mahkamah boleh menghendaki supaya suatu laporan dibuat mengenai keupayaan dan keadaan mentalnya; dan

(b) membuat suatu perintah yang membenarkan mana-mana orang atau orang-orang yang dinamakan dalam perintah itu untuk mempunyai akses kepada orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental bagi maksud pemeriksaan dan membuat laporan yang disebut dalam perenggan (a).

(2) Ahli psikiatri yang membuat suatu laporan di bawah ceraian (1)(a) berkaitan dengan orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental hendaklah menimbangkan —

(a) jenis dan tahap keadaannya;

(b) kerumitan estetnya;

(c) kesan keadaannya ke atas kelakuannya dalam mentadbir estetnya; dan

(d) apa-apa hal keadaan lain yang dianggap oleh ahli psikiatri itu berkaitan dengan estet, orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental dan keadaannya.

(3) Laporan yang disebut dalam ceraian (1)(a) boleh diterima sebagai keterangan dalam siasatan yang diadakan oleh Mahkamah di bawah Bahagian ini.

Kuasa untuk menghantar orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental ke kemudahan psikiatri bagi pemerhatian.

44. (1) Mahkamah boleh sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada kuasa-kuasanya di bawah bab 43, dan atas keterangan sebagaimana yang difikirkannya mencukupi, membuat suatu perintah supaya orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental itu dimasukkan ke suatu kemudahan psikiatri bagi pemerhatian bagi suatu tempoh tidak melebihi satu bulan; dan Mahkamah boleh atas permohonan yang kemudiannya oleh pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya memerintahkan pemanjangan tempoh pemerhatian lanjut tidak melebihi satu bulan.

(2) Perintah Mahkamah itu hendaklah juga memperuntukkan bahawa jika orang yang berkenaan diperakui sebelum tamatnya tempoh pemerhatian itu sebagai bukan orang bercelaru mental, dia hendaklah —

(a) dilepaskan oleh pegawai yang menjaga ke dalam jagaan pemohon yang membuat permohonan di bawah bab 41(3); dan

(b) hadir di hadapan Mahkamah pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Mahkamah.

(3) Apabila orang itu dimasukkan ke kemudahan psikiatri di bawah ceraian (1), pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya hendaklah menahan orang itu di bawah pemerhatian dan hendaklah, sebelum tamatnya tempoh pemerhatian yang disebutkan dalam perintah itu, memperakui secara bertulis kepada Mahkamah pendapatnya tentang keadaan minda orang itu.

(4) Dalam membuat suatu perakuan di bawah ceraian (3), pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya hendaklah menimbangkan perkara-perkara yang dinyatakan dalam bab 43(2).

(5) Dengan tidak menghiraukan apa-apa peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berlawanan suatu perakuan yang dikatakan telah ditandatangi oleh pegawai yang menjaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya hendaklah diterima sebagai keterangan, dalam mana-mana prosiding kerana sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini, apabila ia dikemukakan oleh pihak pendakwa tanpa bukti tandatangan dan, sehingga dibuktikan sebaliknya perakuan itu adalah keterangan *prima facie* mengenai semua perkara yang terkandung di dalamnya.

**Persoalan hendaklah diputuskan oleh Mahkamah.**

45. Dalam siasatan itu, selepas menerima laporan di bawah bab 43 atau perakuan pegawai yang menjaga di bawah bab 44 dan selepas mendengar keterangan dan hujah sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut, Mahkamah hendaklah memutuskan —

(a) sama ada orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental, disebabkan oleh kecelaruan mentalnya, tidak berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya; dan

(b) apa-apa persoalan lain yang mengenainya suatu siasatan telah diarahkan.

**Perintah tentang kos.**

46. Mahkamah boleh membuat perintah tentang kos siasatan itu dan boleh memasukkan dalam perintah itu ganjaran kepada mana-mana pengamal perubatan sebagaimana yang dianggap munasabah oleh Mahkamah, tetapi tiada perintah bagi pembayaran kos boleh dibuat terhadap Menteri atau terhadap mana-mana pegawai kerajaan yang dilantik oleh Menteri di bawah bab 41(3).

**Lantikan orang yang sesuai atau kumpulan orang.**

47. (1) Jika Mahkamah mendapati bahawa orang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental tidak berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya disebabkan oleh kecelaruan mentalnya, Mahkamah boleh melantik

orang yang sesuai atau kumpulan orang, bagi orang bercelaru mental itu dan estet orang bercelaru mental itu dan boleh, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah, membuat suatu perintah —

(a) tentang ganjaran, jika ada, orang yang sesuai atau kumpulan orang, dari estet orang bercelaru mental itu; atau

(b) tentang pemberian jaminan oleh orang yang sesuai atau kumpulan orang.

(2) Jika Mahkamah mendapati bahawa orang bercelaru mental itu tidak mendatangkan apa-apa risiko bahaya kepada dirinya atau kepada orang lain, Mahkamah boleh melantik orang yang sesuai atau kumpulan orang bagi estetnya tanpa melantik orang yang sesuai atau kumpulan orang bagi dirinya.

(3) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jika orang bercelaru mental itu adalah orang Islam, Mahkamah mestilah memuaskan hatinya bahawa orang yang sesuai atau kumpulan orang berhak menurut *Hukum Syara'* untuk dilantik di bawah ceraian itu.

(4) Bagi maksud-maksud ceraian (3), Mahkamah hendaklah merujukkan perkara itu kepada Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184) dan hendaklah bertindak atas apa-apa keputusan Mahkamah Syariah.

**Kuasa untuk menguruskan estet orang bercelaru mental.**

48. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), Mahkamah boleh, apabila melantik orang yang sesuai atau kumpulan orang di bawah bab 76(1) bagi estet orang bercelaru mental, mengarahkan dengan lantikan itu atau dengan apa-apa perintah yang kemudiannya bahawa orang yang kepadanya jagaan estet itu diserahkan hendaklah mempunyai kuasa untuk menguruskan estet itu sebagaimana yang dianggap perlu dan wajar oleh Mahkamah, dengan mengambil kira jenis harta, sama ada alih atau tak alih, yang mungkin terkandung dalam estet itu.

(2) Kuasa untuk menguruskan yang diberikan di bawah ceraian (1) tidak meliputi penjualan atau penggadaian estet itu atau mana-mana bahagian estet itu atau penyewaan apa-apa harta tak alih bagi suatu tempoh yang melebihi 3 tahun.

**Kuasa Pendaftar untuk menerima cadangan.**

49. (1) Pendaftar boleh, tanpa suatu perintah untuk merujukkan, menerima apa-apa cadangan dan menjalankan suatu siasatan berkaitan dengan pengurusan estet orang bercelaru mental jika cadangan itu berhubungan dengan apa-apa perkara yang orang yang dilantik bagi estet itu tidak diberi kuasa di bawah bab 48 untuk melupuskannya.

(2) Pendaftar boleh, tanpa suatu perintah untuk merujukkan, menerima dan menyiasat apa-apa cadangan berhubungan dengan penjualan atau penggadaian estet atau mana-mana bahagian estet orang bercelaru mental atau penyewaan apa-apa harta tak alih bagi suatu tempoh yang melebihi 3 tahun.

(3) Pendaftar hendaklah melaporkan kepada Mahkamah mengenai cadangan itu dan Mahkamah hendaklah, tertakluk kepada Perintah ini, membuat suatu perintah mengenai laporan itu dan mengaward kos sebagaimana yang difikirkan adil dalam hal keadaan itu.

**Saudara yang boleh menghadiri prosiding.**

50. (1) Mahkamah hendaklah memutuskan saudara orang bercelaru mental yang manakah yang akan hadir di hadapan Pendaftar dalam mana-mana prosiding berkaitan dengan pengurusan estet orang itu.

(2) Jika saudara itu adalah orang yang belum cukup umur, Mahkamah boleh melantik orang yang layak dan sesuai sebagai penjaganya bagi tujuan prosiding itu.

(3) Kehadiran saudara itu di hadapan Pendaftar hendaklah atas kos yang ditanggung oleh estet itu.

**Perintah boleh dibuat atas permohonan.**

51. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat kepadanya berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada hubungannya dengan sesuatu siasatan, membuat perintah berkaitan dengan permohonan itu dan kos permohonan itu dan prosiding yang berbangkit yang dalam hal keadaan itu nampak adil tetapi tiada perintah kos boleh dibuat di bawah bab ini terhadap mana-mana pegawai kerajaan.

**Mengurusniagakan harta orang bercelaru mental.**

52. Mahkamah boleh, jika difikirkannya adil atau bagi manfaat orang bercelaru mental, memerintahkan supaya apa-apa harta sama ada dalam milikan, pengembalian, baki, kontingensi atau jangkaan, dijual, digadaikan atau pun selainnya dilupuskan (yang nampak paling wajar) bagi maksud mendapatkan wang yang akan digunakan bagi sebarang tujuan yang berikut —

(a) pembayaran hutangnya, termasuk apa-apa hutang atau perbelanjaan yang dilakukan untuk nafkahnya atau untuk manfaatnya;

(b) pelepasan apa-apa bebanan ke atas estetnya;

(c) pembayaran atau peruntukan bagi perbelanjaan nafkah masa depannya dan nafkah keluarganya, termasuk perbelanjaan untuk

memindahkannya ke mana-mana tempat di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam dan segala perbelanjaan yang berkaitan;

(d) pembayaran kos mana-mana prosiding di bawah Perintah ini dan apa-apa kos yang dilakukan dengan perintah atau di bawah autoriti Mahkamah;

(e) sebarang tujuan lain yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah.

**Orang yang dilantik hendaklah menyempurnakan instrumen.**

53. (1) Orang yang dilantik bagi estet orang bercelaru mental hendaklah, atas namanya dan bagi pihaknya, menyempurnakan semua pemindahan hak dan instrumen pemindahan berhubung dengan apa-apa penjualan, gadaian, atau pelupusan lain estet orang bercelaru mental itu sebagaimana yang mungkin diperintahkan oleh Mahkamah.

(2) Orang yang dilantik hendaklah juga, di bawah perintah Mahkamah, menjalankan semua kuasa yang terletak hak pada orang bercelaru mental, sama ada kuasa itu terletak hak padanya untuk manfaatnya sendiri atau atas sifatnya sebagai seorang pemegang amanah atau penjaga.

**Pelaksanaan kontrak.**

54. Jika seseorang yang telah membuat kontrak untuk menjual atau melupuskan estetnya atau mana-mana bahagian estetnya kemudiannya menjadi orang bercelaru mental, Mahkamah boleh, jika kontrak itu adalah kontrak yang difikirkan oleh Mahkamah patut dilaksanakan, mengarahkan supaya orang yang dilantik bagi estet orang bercelaru mental itu melaksanakan pemindahan hak tersebut dan melakukan perbuatan lain untuk memenuhi kontrak itu sebagaimana yang difikirkannya patut dan wajar.

**Pembubaran dan pelupusan harta perkongsian.**

55. (1) Jika seorang ahli suatu perkongsian adalah orang bercelaru mental, Mahkamah boleh membubarkan perkongsian itu atas permohonan rakan kongsi lain atau mana-mana orang lain yang pada pendapat Mahkamah berhak untuk meminta pembubaran itu.

(2) Selepas perkongsian itu dibubarkan di bawah ceraian (1) atau dengan suatu perintah Mahkamah atau mengikut perjalanan undang-undang, orang yang dilantik bagi estet orang bercelaru mental itu boleh, atas nama dan bagi pihak orang bercelaru mental itu, bersama rakan kongsi lain melupuskan harta perkongsian itu atas terma-terma, dan hendaklah melakukan segala perbuatan bagi melaksanakan pembubaran perkongsian itu, sebagaimana yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah.

**Pelupusan premis perniagaan.**

56. Jika orang bercelaru mental telah terlibat dalam perniagaan Mahkamah boleh, jika didapatinya bermanfaat bagi estetnya supaya premis perniagaan itu patut dilupuskan, memerintahkan orang yang dilantik bagi estet orang bercelaru mental itu untuk menjual dan melupuskan premis perniagaan itu, dan hasil jualan itu hendaklah digunakan mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

**Orang yang dilantik boleh melupuskan pajakan.**

57. Jika orang bercelaru mental berhak mendapat sesuatu pajakan atau pajakan kecil, Mahkamah boleh, jika didapatinya bermanfaat bagi estetnya supaya pajakan atau pajakan kecil itu patut dilupuskan, memerintahkan orang yang dilantik bagi estet orang bercelaru mental itu untuk menyerahkan balik, menyerah hak atau melupuskan pajakan atau pajakan kecil itu atas terma-terma sebagaimana yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah.

**Pemindahan stok, sekuriti, dll. orang bercelaru mental.**

58. Jika —

(a) apa-apa stok, sekuriti Kerajaan, saham atau debentur dalam suatu syarikat awam, yang boleh dipindahkan di dalam Negara Brunei Darussalam atau yang dividendnya kena dibayar di Negara Brunei Darussalam adalah atas nama atau terletak hak pada —

(i) orang bercelaru mental yang berhak mendapat manfaat dari stok, sekuriti, saham atau debentur itu;

(ii) orang yang dilantik bagi estet orang bercelaru mental itu; atau

(iii) seorang pemegang amanah baginya; dan

(b) (i) orang yang dilantik atau pemegang amanah itu mati tanpa meninggalkan wasiat atau dirinya menjadi orang bercelaru mental atau berada di luar bidang kuasa Mahkamah;

(ii) tidak pasti sama ada orang yang dilantik atau pemegang amanah itu masih hidup atau telah mati; atau

(iii) orang yang dilantik atau pemegang amanah itu mengabaikan atau enggan —

(A) memindahkan stok, sekuriti, saham atau debentur itu;

- (B) menerima dan membayar dividen kepada orang yang dilantik atau pemegang amanah baru; atau
- (C) sebagaimana yang diarahkan oleh orang bercelaru mental itu, dalam masa 14 hari selepas dikehendakinya untuk berbuat demikian,

Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk membuat pemindahan itu atau untuk memindahkan stok, sekuriti, saham atau debentur itu dan untuk menerima dan membayar dividen itu mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkannya, dan pemindahan atau pembayaran itu adalah sah dan berkesan bagi segala tujuan.

**Pemindahan harta orang bercelaru mental yang tinggal di luar Negara Brunei Darussalam.**

59. Jika apa-apa harta yang terletak di Negara Brunei Darussalam adalah atas nama atau terletak hak pada mana-mana orang yang tinggal di luar Negara Brunei Darussalam, Mahkamah boleh, jika berpuas hati bahawa —

- /a/ orang itu telah diisyiharkan sebagai orang bercelaru mental; dan
- /b/ estet peribadinya telah terletak hak pada kurator atau pengurus atau pun selainnya, mengikut undang-undang tempat di mana dia tinggal,

memerintahkan mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk membuat pemindahan harta itu atau mana-mana bahagian harta itu kepada kurator atau pengurus itu atau pun selainnya, dan juga untuk menerima dan membayar apa-apa hasil atau keuntungan dari harta itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah; dan apa-apa perbuatan yang dilakukan menurut perintah itu adalah sah dan berkesan bagi segala tujuan.

**Kuasa untuk memerintahkan nafkah tanpa melantik orang yang sesuai atau kumpulan orang.**

60. Jika didapati oleh Mahkamah, dengan mengambil kira situasi dan keadaan hidup orang bercelaru mental dan keluarganya dan hal keadaan lain yang berkaitan dalam kes itu, sebagai bermanfaat supaya hartanya patut disediakan bagi nafkahnya atau nafkah mereka dengan cara langsung dan tidak mahal, Mahkamah boleh, sebagai ganti melantik orang yang sesuai atau kumpulan orang bagi estet itu memerintahkan supaya harta itu atau, jika dari sebarang perihalan lain, hasilnya apabila direalisasikan, dibayar kepada orang lain sebagaimana yang mungkin difikirkan layak oleh Mahkamah untuk digunakan bagi nafkah orang bercelaru mental dan keluarganya dan semua bayaran yang dibuat itu adalah pelepasan yang memuaskan bagi orang yang membuat bayaran itu.

**Peruntukan sementara bagi nafkah.**

61. Jika didapati oleh Mahkamah bahawa —

- (a) ketiadaupayaan orang bercelaru mental untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya adalah bersifat sementara; dan
- (b) adalah wajar untuk membuat peruntukan sementara bagi nafkah orang bercelaru mental itu atau keluarganya,

Mahkamah boleh, dengan cara yang sama seperti di bawah bab 60, mengarahkan supaya hartanya atau sebahagian yang mencukupi dari harta tersebut digunakan bagi tujuan itu.

**Perintah bagi penerimaan orang bercelaru mental.**

62. (1) Jika selepas suatu siasatan dijalankan di bawah Bahagian ini seseorang itu didapati oleh Mahkamah sebagai tidak berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya disebabkan oleh kecelaruan mentalnya tetapi Mahkamah tidak melantik suatu jawatankuasa bagi dirinya, Mahkamah hendaklah membuat suatu perintah supaya orang itu dihantar kepada seorang pengamal perubatan yang ditetapkan di suatu kemudahan psikiatri bagi pemeriksaan dan bagi kemasukannya ke kemudahan psikiatri yang dinamakan dalam perintah itu.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1), jika rakan atau saudara orang bercelaru mental itu memuaskan hati Mahkamah bahawa dia berjanji untuk menjaga orang itu dengan sepatutnya dan menghalang orang itu dari mencederakan dirinya atau orang lain, Mahkamah boleh, sebagai ganti membuat suatu perintah di bawah ceraian (1), membuat suatu perintah yang menyerahkannya ke dalam jagaan rakan atau saudara itu.

(3) Seseorang yang diterima masuk ke dalam suatu kemudahan psikiatri dengan suatu perintah Mahkamah yang dibuat di bawah ceraian (1) adalah, bagi maksud-maksud Perintah ini, seorang pesakit tidak sukarela di bawah bab 12.

**Membatalkan prosiding.**

63. (1) Jika seseorang telah didapati tidak berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya disebabkan oleh kecelaruan mentalnya dan kemudiannya ditunjukkan kepada Mahkamah —

- (a) atas permohonan orang itu;
- (b) atas permohonan seseorang yang bertindak bagi pihaknya; atau
- (c) atas maklumat mana-mana orang lain,

bahawa ada sebab untuk mempercayai bahawa ketiadaupayaan itu telah terhenti, Mahkamah boleh membuat suatu perintah supaya siasatan dijalankan untuk menentukan sama ada orang itu sekarang ini berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya.

(2) Siasatan di bawah ceraian (1) hendaklah dijalankan mengikut cara yang sama seperti yang ditetapkan bagi suatu siasatan mengenai sama ada seseorang yang dikatakan sebagai orang bercelaru mental tidak berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya.

(3) Jika selepas suatu siasatan dijalankan di bawah bab ini Mahkamah mendapati bahawa orang itu sekarang ini berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya semua prosiding dalam perkara itu diberhentikan atau diketepikan atas syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dan wajar.

**Pelepasan orang yang didapati selepas siasatan dijalankan sebagai berupaya menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya.**

64. Jika selepas suatu siasatan mengenai keupayaan seseorang yang ditahan di suatu kemudahan psikiatri untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya, Mahkamah telah membuat suatu perintah di bawah bab 63(3), pegawai yang menjaga hendaklah, dengan serta-merta setelah satu salinan perintah itu dikemukakan, melepaskan orang itu dari kemudahan psikiatri itu.

## BAHAGIAN X

### AM

**Memberi izin bagi pembedahan dll.**

65. (1) Jika orang bercelaru mental dikehendaki menjalani prosedur perubatan dan pembedahan bagi menyelamatkan nyawa, terapi psiko pembedahan atau elektrokonvulsif, keizinan bagi melaksanakan mana-mana prosedur atau terapi tersebut boleh diberikan jika —

(a) dia boleh memberi izin seperti yang dinilai oleh seorang ahli psikiatri, oleh pesakit itu sendiri;

(b) pesakit itu tidak boleh memberi izin —

(i) dalam hal orang yang belum cukup umur, oleh penaganya; atau

(ii) dalam hal orang dewasa, oleh saudara;

(c) penjaga atau saudaranya tidak ada atau tidak dapat dikesan dan pesakit itu sendiri tidak boleh memberi izin, oleh dua orang ahli psikiatri, salah seorang daripadanya hendaklah ahli psikiatri yang merawatnya.

(2) Dalam hal kecemasan, izin bagi prosedur perubatan dan pembedahan besar atau terapi elektrokonvulsif boleh diberikan —

(a) oleh penjaga atau saudara pesakit itu; atau

(b) jika penjaga atau saudaranya tidak ada langsung atau tidak dapat dikesan, oleh dua orang pengamal perubatan, salah seorang daripadanya hendaklah seorang ahli psikiatri.

(3) Dalam menentukan sama ada atau tidak orang bercelaru mental boleh memberi izin di bawah ceraian(1)(a), ahli psikiatri yang memeriksanya hendaklah menimbangkan sama ada atau tidak pesakit itu memahami —

(a) keadaan yang kerananya rawatan itu dicadangkan;

(b) jenis dan tujuan rawatan itu;

(c) risiko yang terlibat dalam menjalani rawatan itu;

(d) risiko yang terlibat jika tidak menjalani rawatan itu; dan

(e) sama ada atau tidak kebolehannya untuk memberi izin terjejas oleh keadaannya.

(4) Dengan tidak menghiraukan ceraian-ceraian (1) dan (2), kehendak untuk memberi izin tidak dikenakan jika pesakit itu menghadapi keadaan yang mengancam nyawa yang memerlukan campur tangan.

**Kewajipan untuk memberi maklumat kepada pesakit.**

66. Pegawai yang menjaga hendaklah mengambil langkah-langkah yang boleh dilaksanakan dengan munasabah untuk memastikan bahawa tiap-tiap pesakit di kemudahan itu dan saudara pesakit itu, memahami —

(a) di bawah peruntukan mana dalam Perintah ini pesakit itu ditahan dan kesan peruntukan itu; dan

(b) apakah hak yang ada padanya untuk memohon bagi pelepasannya.

**Salinan perintah penerimaan masuk hendaklah dihantar kepada pegawai yang menjaga kemudahan psikiatri.**

67. Seseorang pengamal perubatan yang membuat suatu perintah di bawah bab 12 atau 13 atau sesebuah mahkamah yang membuat suatu perintah di bawah bab 44 atau 62 hendaklah dengan segera menghantar satu salinan perintah itu kepada pegawai yang menjaga kemudahan psikiatri tempat orang yang tertakluk kepada perintah itu akan diterima masuk.

**Perakuan perubatan, perintah dll. boleh dipinda.**

68. Jika selepas pesakit tidak sukarela dimasukkan ke dalam suatu kemudahan psikiatri didapati bahawa apa-apa perakuan perubatan, perintah atau dokumen lain berhubung dengan kemasukan itu adalah tidak betul dalam sebarang hal, maka perakuan, perintah atau dokumen lain itu boleh, dengan kebenaran pegawai yang menjaga, dipinda oleh orang yang menandatanganinya dalam masa 14 hari dari kemasukan pesakit itu bagi tujuan membetulkan apa-apa salah tulis atau kesilapan nyata atau kerana sebarang sebab lain yang boleh diterima oleh pegawai yang menjaga.

**Jumlah wang kena dibayar oleh Kerajaan kepada orang bercelaru mental.**

69. (1) Jika sebarang jumlah wang adalah kena dibayar berkaitan dengan gaji, pencen, baksis atau elauan lain yang seumpamanya kepada mana-mana orang oleh Kerajaan, dan orang itu didapati di bawah Perintah ini sebagai orang bercelaru mental, mana-mana kakitangan kerajaan yang diberi kuasa untuk membuat pembayaran tersebut hendaklah membayar —

*(a)* sebanyak mana dari jumlah wang itu sebagaimana yang dianggapnya patut kepada orang yang menjaga orang bercelaru mental itu bagi tujuan nafkah orang bercelaru mental itu; dan

*(b)* lebihannya atau sebahagian dari lebihannya, jika ada, sebagaimana yang dianggapnya patut, bagi nafkah ahli-ahli keluarga orang bercelaru mental itu yang bergantung kepadanya bagi nafkah mereka.

(2) Mana-mana orang yang menjaga orang bercelaru mental itu yang gagal mematuhi atau melanggar ceraian (1)*(a)* adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda sebanyak \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

**Pengabaian atau penganiayaan pesakit.**

70. (1) Mana-mana pegawai atau kakitangan, atau orang yang diambil bekerja atau diguna khidmat oleh, suatu kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat atau pusat kesihatan mental masyarakat atau mana-mana premis jagaan kesihatan kerajaan atau swasta lain yang —

(a) mengabaikan dengan sengaja atau menganiaya seseorang pesakit yang menerima rawatan kerana kecelaran mental sebagai seorang pesakit dalam di kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat, pusat kesihatan mental masyarakat atau premis jagaan kesihatan kerajaan atau swasta; atau

(b) mengabaikan dengan sengaja atau menganiaya, di premis yang menjadi sebahagian dari kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat, pusat kesihatan mental masyarakat atau kemudahan jagaan kesihatan kerajaan atau swasta itu, seseorang pesakit yang menerima rawatan di sana sebagai seorang pesakit luar,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang menganiaya atau mengabaikan dengan sengaja orang bercelaru mental yang dalam jagaan atau di bawah pemeliharaan dan perlindungannya adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab ini boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali, dan sebat.

**Bersubahat mlarikan pesakit.**

71. (1) Mana-mana orang yang membenarkan atau bersubahat mlarikan atau cuba mlarikan mana-mana pesakit adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang diambil bekerja di, atau diguna khidmat oleh, mana-mana kemudahan psikiatri yang membenarkan atau bersubahat mlarikan atau cuba mlarikan mana-mana pesakit adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Hukuman kerana penerimaan dan penahanan dengan tidak sepatutnya.**

72. Tertakluk kepada bab 73, mana-mana orang yang —

(a) melainkan menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, menerima masuk atau menahan di suatu kemudahan psikiatri seseorang yang merupakan atau dikatakan sebagai orang bercelaru mental; atau

(b) bagi keuntungan, menahan di mana-mana tempat, yang bukan suatu kemudahan psikiatri, mana-mana orang bercelaru mental,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.

**Batasan liabiliti.**

73. Tiada tindakan boleh dibawa terhadap Ketua Pengarah, mana-mana ahli Lembaga Pelawat, pegawai yang menjaga, orang yang menjaga, pengamal perubatan, pegawai polis atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahan Ketua Pengarah atau pegawai yang menjaga berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh mana-mana daripada mereka dengan suci hati pada menjalankan, melaksanakan atau dikatakan pada menjalankan atau melaksanakan, sebarang kuasa atau kewajipan di bawah Perintah ini.

**Tata amalan.**

74. (1) Bagi maksud memberikan panduan praktikal berkenaan dengan kehendak-kehendak Perintah ini mengenai kemasukan, penahanan, penginapan, jagaan, rawatan, pemulihan, dan perlindungan orang-orang yang bercelaruan mental, Menteri boleh —

*(a)* mengeluarkan satu tata amalan atau lebih;

*(b)* membenarkan sebagai tata amalan apa-apa dokumen yang disediakan oleh mana-mana orang jika dia menganggap dokumen itu sebagai suatu dokumen yang sesuai bagi tujuan ini; dan

*(c)* meminda atau membatalkan mana-mana tata amalan yang dikeluarkan atau dibenarkan di bawah bab ini.

(2) Kuasa Menteri di bawah ceraian (1)*(a)* atau *(b)* untuk mengeluarkan atau membenarkan sebagai tata amalan hendaklah termasuk kuasa untuk mengeluarkan atau membenarkan sebahagian dari tata amalan atau dokumen tersebut.

(3) Jika tata amalan dikeluarkan, dibenarkan, dipinda atau dibatalkan oleh Menteri di bawah ceraian (1), Menteri hendaklah —

*(a)* menyiaran suatu notis mengenai pengeluaran, kebenaran, pindaan atau pembatalan itu, mengikut mana yang berkenaan, dengan cara yang akan mendapat publisiti yang memadai bagi pengeluaran, kebenaran, pindaan atau pembatalan itu;

*(b)* menyatakan dalam notis yang disebut dalam perenggan *(a)* tarikh pengeluaran, kebenaran, pindaan atau pembatalan, mengikut mana yang berkenaan;

(c) memastikan bahawa, selagi tata amalan itu terus berkuat kuasa, salinan tata amalan itu, dan semua pindaan kepada tata amalan itu, disediakan —

- (i) bagi pemeriksaan orang ramai secara percuma; dan
- (ii) untuk dibeli oleh orang ramai dengan harga yang berpatutan.

(4) Tiada tata amalan, tiada pindaan kepada tata amalan yang dibenarkan, dan tiada pembatalan mana-mana tata amalan yang dibenarkan, boleh berkuat kuasa atau mempunyai kesan sebagai tata amalan sehingga notis mengenainya disiarkan menurut ceraian (3).

(5) Jika apa-apa peruntukan dalam mana-mana tata amalan bertentangan dengan apa-apa peruntukan Perintah ini, peruntukan tersebut, setakat mana yang bertentangan —

(a) hendak berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini; atau

(b) dengan mengambil kira peruntukan-peruntukan Perintah ini, tidaklah berkuat kuasa.

(6) Mana-mana tata amalan hendaklah dianggap sebagai bukan undang-undang tambahan.

#### Penggunaan tata amalan dalam prosiding jenayah.

75. (1) Seseorang itu tidak boleh dikenakan sebarang prosiding jenayah hanya atas sebab dia telah gagal mematuhi mana-mana tata amalan.

(2) Dalam mana-mana prosiding kerana sebarang kesalahan terhadap Perintah ini, tata amalan yang berkaitan dengan apa-apa perkara yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwa bagi membuktikan kesalahan itu dilakukan boleh diterima sebagai keterangan dalam prosiding itu.

(3) Tanpa menyentuh apa-apa cara lain untuk membuktikan, dalam mana-mana prosiding kerana suatu kesalahan terhadap Perintah ini —

(a) pengemukaan suatu dokumen yang dikatakan sebagai satu salinan suatu notis yang disiarkan oleh Menteri di bawah bab 74(3)(a) hendaklah dianggap sebagai notis tersebut sehingga dibuktikan sebaliknya; dan

(b) pengemukaan tata amalan, atau pindaan atau pembatalan tata amalan, yang dikatakan sebagai perkara suatu notis di bawah bab 74(3)(a) hendaklah dianggap sebagai perkara notis itu sehingga dibuktikan sebaliknya.

(4) Dalam menentukan bagi maksud apa-apa peruntukan Perintah ini tentang sama ada mana-mana kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat atau pusat kesihatan mental masyarakat mempunyai piawaian yang baik atau mengikut prinsip-prinsip yang diterima pada amnya dalam amalan yang selamat dan benar maka perhatian hendaklah diberikan kepada apa-apa piawaian, tata amalan atau panduan yang berkaitan yang boleh diterima oleh Menteri.

**Mahkamah bagi perbicaraan kesalahan.**

76. Melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini boleh dibicarakan oleh Mahkamah Majistret atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana yang berkenaan, dan Mahkamah itu hendaklah, dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) dan sebarang undang-undang bertulis lain, mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Perintah ini.

**Peraturan-peraturan.**

77. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang pada pendapatnya perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna kuasa-kuasa yang diberikan oleh ceraian (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi semua atau mana-mana tujuan yang berikut —

*(a)* untuk menetapkan piawaian dan spesifikasi berkaitan dengan tapak, reka bentuk dan pembinaan kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat dan pusat kesihatan mental masyarakat;

*(b)* untuk menetapkan piawaian perkakas, peralatan, kelengkapan, instrumen, bahan, perabot dan benda lain yang akan disediakan oleh kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat dan pusat kesihatan mental masyarakat;

*(c)* untuk menetapkan piawaian penginapan, sanitasi atau kemudahan lain di kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat dan pusat kesihatan mental masyarakat;

*(d)* untuk menetapkan piawaian bagi penyenggaraan, pentadbiran atau pengambilan kakitangan, dan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan oleh, kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat dan pusat kesihatan mental masyarakat;

- (e) untuk memberikan jaminan kualiti dan kawalan kualiti yang boleh diterima berkaitan dengan kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat dan pusat kesihatan mental masyarakat;
- (f) untuk menetapkan pengurusan, pengawalan, pengawasan dan penjagaan kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat dan pusat kesihatan mental masyarakat, termasuk tugas-tugas, tanggungjawab-tanggungjawab, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa pegawai yang menjaga kemudahan psikiatri, tempat kediaman psikiatri masyarakat dan pusat kesihatan mental masyarakat;
- (g) untuk menetapkan semua perkara berkenaan dengan hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan pesakit;
- (h) untuk menetapkan semua perkara berkenaan dengan isu perhubungan oleh dan dengan pesakit di kemudahan psikiatri;
- (i) untuk menetapkan syarat-syarat dan keadaan-keadaan yang membolehkan penggunaan kaedah untuk menghalang atau mengasingkan secara fizikal atau kimia ke atas pesakit di kemudahan psikiatri;
- (j) untuk menetapkan lantikan ahli-ahli, keahlian, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa, dan prosedur yang akan diikuti oleh, Lembaga;
- (k) untuk menetapkan jenis kejadian yang tidak dapat diramalkan atau tidak dapat dijangkakan yang akan dilaporkan, prosedur membuat laporan, cara penyiasatan yang akan dijalankan, laporan dan data statistik yang akan dikemukakan;
- (l) untuk menetapkan semua perkara berkenaan dengan pernyataan dasar dan perkara berkenaan dengan mekanisme ketidakpuasan hati;
- (m) untuk mengawal selia penyimpanan buku, rekod, daftar atau dokumen lain atau pemberian laporan atau statistik sebagaimana yang mungkin diperlukan bagi maksud-maksud Perintah ini;
- (n) untuk menetapkan apa-apa juga yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini.

**Pemansuhan Penggal 48.**

78. Akta Gila adalah dimansuhkan.

**Pengertian undang-undang bertulis lain.**

79. Melainkan jika terdapat maksud sebaliknya, sebutan dalam sebarang undang-undang bertulis lain —

- (a) kepada orang gila atau orang mental hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada orang bercelaru mental;
- (b) kepada gila hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada kecelaruan mental;
- (c) kepada rumah gila, rumah sakit orang gila, hospital kesihatan jiwa, kemudahan mental atau mana-mana kemudahan perubatan lain bagi tujuan menerima masuk, mereman, mengurung atau menahan orang bercelaru mental hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada kemudahan psikiatri.

**Pindaan Penggal 51.**

80. Bab 2 dari Akta Penjara adalah dipinda dengan memotong takrifan “rumah sakit otak” dan menggantikannya dengan takrifan baharu yang berikut —

“ “hospital kesihatan jiwa” termasuk mana-mana kemudahan psikiatri Kerajaan bagi penerimaan orang yang diperintahkan untuk ditahan di dalamnya di bawah Perintah Kesihatan Mental, 2014;”.

**Pindaan Penggal 18.**

81. Bab 7 dari Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya adalah dipinda dengan memotong perenggan (d) dan menggantikannya dengan perenggan baharu yang berikut —

“(d) elaun bagi orang bercelaru mental yang di bawah peruntukan-peruntukan Perintah Kesihatan Mental, 2014, sama ada ditahan di suatu kemudahan psikiatri atau diserahkan dalam jagaan mana-mana saudara atau rakan, atau tanggungannya;”.

**Pindaan Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya dalam Penggal 18.**

82. Peraturan-Peraturan Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya adalah dipinda dengan memansuhkan peraturan 7 dan menggantikannya dengan peraturan baharu yang berikut —

“Elaun berkaitan dengan orang bercelaru mental.

7. Suatu elaun yang dipanggil “elaun orang bercelaru mental” hendaklah, apabila Pegawai Pencen berpuas hati bahawa ada keperluan bagi elaun tersebut, kena dibayar pada kadar yang ditentukan kepada, atau bagi faedah, orang bercelaru mental atau tanggungannya, orang bercelaru mental itu adalah seorang yang Pegawai Pencen berpuas hati —

- (a) telah mencapai umur 15 tahun;

*(b)* adalah orang bercelaru mental;

*(c)* di bawah peruntukan-peruntukan Perintah Kesihatan Mental, 2014, sama ada ditahan di suatu kemudahan psikiatri atau diserahkan dalam jagaan mana-mana saudara atau rakan; dan

*(d)* tinggal di Negara Brunei Darussalam bagi suatu tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun sebelum tarikh dia ditahan atau diserahkan.”

**Perkecualian.**

83. Walaupun Akta Gila (Penggal 48) dimansuhkan oleh bab 78 —

*(a)* apa-apa perintah yang dibuat di bawah Akta itu dan berkuat kuasa sejurus sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, setakat mana ia tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini, terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan seolah-olah ia telah dibuat di bawah Perintah ini sehingga ia dipinda atau dimansuhkan;

*(b)* apa-apa siasatan atau prosiding yang dimulakan di bawah Akta itu sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan di bawah dan menurut peruntukan-peruntukan yang bersamaan Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 17 haribulan Mei, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.